



جابتن اكام إسلام فیراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(59)

Tarikh: 14 Zulhijah 1446H
11 Jun 2025M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

**HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN
PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM
PERAK**

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	13 Jun 2025 / 16 Zulhijah 1446
Tajuk	Zuhud Dalam Kehidupan Seorang Muslim

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

"PERAK SEJAHTERA 2030"



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"ZUHUD DALAM KEHIDUPAN SEORANG MUSLIM"

13 Jun 2025 / 16 Zulhijah 1446

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ¹ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِلْ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

"ZUHUD DALAM KEHIDUPAN SEORANG MUSLIM"

Firman Allah SWT, ayat 77 surah al-Qasas:

﴿وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ^ط وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ^ط إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾﴾

Bermaksud: Dan carilah pahala dan kebahagiaan hari akhirat dengan harta kekayaan yang telah dianugerahkan Allah kepadamu, tetapi jangan kamu lupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) di dunia dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat Nya yang melimpah ruah). Janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berbuat kerosakan.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Khutbah pada hari ini menyentuh satu nilai agung dalam Islam iaitu sifat zuhud. Daripada segi bahasa, zuhud bermaksud meninggalkan sesuatu kerana tidak berhajat kepadanya; memerihalkan seseorang yang soleh hidupnya, tidak dikuasai oleh kemewahan dan keseronokan dunia. Menurut pengertian agama, zuhud merujuk kepada sikap meninggalkan perkara duniawi yang tidak memberi manfaat untuk akhirat, demi memperoleh keredaan Ilahi untuk mencapai kebahagiaan di akhirat.

Seorang lelaki mengajukan soalan kepada Rasulullah SAW, "Wahai Rasulullah, tunjukkan kepadaku satu amalan yang jika aku lakukan, Allah dan manusia akan mencintai ku. Rasulullah SAW bersabda:

إِزْهَدْ فِي الدُّنْيَا يُحِبُّكَ اللَّهُ وَإِزْهَدْ فِيْمَا عِنْدَ النَّاسِ يُحِبُّكَ النَّاسُ

Bermaksud: "Zuhudlah terhadap dunia maka engkau akan dicintai Allah, dan zuhudlah terhadap apa yang ada pada manusia maka engkau akan dicintai manusia." (Hadis riwayat Ibn Majah)

Imam al-Ghazali melalui karyanya Ihya Ulumiddin meluruskan kekeliruan pandangan mengenai zuhud dengan menyatakan, "Ketahuilah, ramai orang beranggapan, orang yang meninggalkan harta duniawi adalah orang yang zuhud. Padahal tidak mesti demikian. Meninggalkan harta dan berpenampilan 'buruk' itu mudah dan ringan sahaja bagi mereka yang mengharap digelar sebagai seorang zahid,"

Imam al-Ghazali selanjutnya berkata "Bukanlah zuhud itu bermaksud kamu tidak memiliki sesuatu, tetapi zuhud ialah kamu tidak dikuasai oleh apa yang kamu miliki." Maka, dapat kita fahami bahawa sifat zuhud bukan penghalang untuk menjadi orang yang kaya dan berjaya di dunia, tetapi sifat zuhud menjadi pelindung dari sifat tamak dan lalai terhadap akhirat.

Jemaah yang dilimpahi rahmat Ilahi



Sebahagian Mukmin tersalah faham akan maksud zuhud dengan anggapan zuhud itu meninggalkan seluruh hal keduniaan, memakai pakaian lusuh, tidak mengurus diri, menjadi fakir, hidup dalam serba kekurangan, tidak boleh membawa anak dan isteri melancong, malah zuhud dikatakan hanya berlaku dalam kalangan ahli sufi. Sebaliknya, ilmuwan Islam menjelaskan bahawa zuhud bukan bermaksud menyetepikan sepenuhnya hal keduniaan, tetapi zuhud ialah sifat yang tidak meletakkan dunia di dalam hati, atau hanyut dengan tipu daya keduniaan.

Salah faham terhadap pengertian zuhud menyebabkan ada golongan yang meninggalkan perniagaan, meninggalkan pekerjaan, menolak kemajuan, dan memilih hidup dalam kemiskinan serta terpinggir daripada masyarakat. Sedangkan Islam tidak pernah melarang umatnya mengumpul harta dan berpakaian indah, bahkan Islam menganjur umatnya agar bersungguh-sungguh mencapai kemajuan serta memiliki kekayaan agar dapat menginfakkan hartanya di jalan Allah yang dapat memanfaatkan orang lain.

Salah faham terhadap erti zuhud turut terzahir melalui tindakan memilih pakaian lusuh, tidak mengurus kebersihan diri hingga badan berbau yang menimbulkan perasaan kurang senang jemaah lain, apabila mereka hadir untuk bersolat dan beribadah di dalam masjid. Hal ini jelas bertentangan dengan firman Allah SWT melalui ayat 31 surah al-'Araf yang bermaksud:

“Wahai anak Adam, pakailah pakaian yang indah setiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mendirikan solat) Dan makan dan minumlah dan jangan pula kamu berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang melampaui batas”

Zuhud mengubat jiwa Mukmin agar tidak berduka cita apabila kehilangan hal keduniaan, dan tidak terlalu gembira apabila memperoleh hal dunia selaras dengan firman Allah melalui ayat 23 surah al-Hadid:

﴿لِكَيْلَا تَأْسَوْا عَلَىٰ مَا فَاتَكُمْ وَلَا تَفْرَحُوا بِمَا آتَاكُمْ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ

﴿فَخُورٍ﴾

Bermaksud: (Kamu diberitahu tentang hal itu) agar kamu tidak bersedih hati terhadap apa-apa yang luput daripada kamu dan tidak pula terlalu gembira terhadap apa-apa yang diberikan kepada kamu. Dan Allah tidak menyukai setiap orang yang sombong dan membanggakan diri.

Jemaah yang dilimpahi petunjuk Ilahi

Dalam kalangan sahabat Nabi SAW, ada yang kaya raya namun bersifat zuhud. Saidina Uthman bin Affan R.A dan Saidina Abdul Rahman bin 'Auf R.A, antara sahabat yang terkenal dengan kekayaan dan kezuhudan. Mereka sentiasa bersedia mengorbankan harta benda di jalan Allah, kerana harta tidak pernah mengikat hati mereka daripada mengejar akhirat.

Dalam kehidupan harian, hendaklah kita jadikan contoh, orang-orang yang telah dilimpahi kekayaan, memilih untuk hidup secara sederhana, tidak mengamalkan sifat bermewah-mewah, untuk bermegah dan membangga diri dengan rumah besar, kenderaan mewah dan pakaian berjenama. Di sebaliknya, mereka secara bersembunyi mendermakan sebahagian kekayaan anugerahi Ilahi untuk membina sekolah, hospital, masjid, asrama pelajar, kediaman anak yatim, dan juga rumah untuk fakir miskin, di samping menyediakan biasiswa, bantuan bencana dan bantuan perubatan.

Inilah antara wajah zuhud sebenar. Seorang jutawan dan hartawan, begitu juga seorang petani dan pekerja biasa, boleh menjadi zuhud. Zuhud bukan ditentukan kerana memiliki harta yang sedikit, bukannya pada pakaian yang lusuh, bukannya kerana tinggal di pondok usang di pinggir desa, tetapi zuhud terletak pada hati yang tidak diperhambakan oleh dunia.



Jemaah Rahimakumullah,

Kesimpulannya, sifat zuhud mendidik ummah agar tidak leka dan hanyut dengan arus keduniaan serta tahu membezakan hal keduniaan yang mendatangkan manfaat atau sebaliknya. Mukmin yang memiliki sifat zuhud tidak akan menyisihkan sepenuhnya kehidupan dunia, tetapi bijak mengimbangkan fikiran, hati dan nafsu agar tidak taksud dengan kemewahan dunia. Muslim yang memiliki sifat zuhud, bijak memanfaatkan dunia untuk bekalan akhirat. Semoga Allah menjadikan hati kita hati yang zuhud, reda dan bergantung harap kepada Nya semata-mata.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فِلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah Ya Rabbal 'Alamin! Kurniai kami sifat zuhud yang menjurus kepada jiwa kehambaan – jiwa yang mendambakan keredaan Mu semata-mata. Bimbing kami agar

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



sentiasa mengutamakan akhirat serta lindungi hati kami daripada sifat tamak mengejar keduniaan sehingga melalaikan.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk! Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.